



PENGANJUR..... Hanudin (dua kanan), Mohd Fahmi (dua kiri), Ahmad Aizuddin dan Muhammad Faris (kiri) bersama AJK Penganjur Karnival Halal Hub 3.0.



LAWAT... Dr Hanudin (tiga kiri) bersama Mohd Fahmi (kiri), Ahmad (kanan) dan Muhammad Faris melawat gerai produk kecantikan.

## Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam anjur Karnival Halal Hub 3.0

NSR 4.11.2017 &

LABUAN: Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) menganjurkan Karnival Halal Hub 3.0 yang diadakan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Karnival yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin telah dirasmikan oleh Dekan FKAL, Prof. Madya Dr Hanudin Amin.

Turut hadir, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) FKAL, Dr Mohd Fahmi Mohd Ghazali; Penyelaras Program, Ahmad Aizuddin Hamzah dan Pengarah Program Karnival Halal Hub 3.0, Muhammad Faris Kamarudzaman.

Penganjuran program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat dan mahasiswa UMS Labuan mengenai produk dan perkhidmatan yang berteraskan halal.

Selain itu, ianya juga untuk menerapkan gaya hidup Islam kepada mahasiswa serta ilmu pengetahuan mengenai halal hub.

Program tersebut juga adalah sebagai cara bagi memperkenalkan UMS Labuan kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan yang sen-

tiasa bekerjasama menjayakan program berteraskan halal.

Sempena program itu, turut diadakan Forum Akademik yang bertajuk 'Kosmetik Keperluan atau Fitrah' yang menampilkan dua ahli panel iaitu Da'I Wan dan Rahman Baco di Dewan Kuliah Pusat 1, malam kelmarin.

Turut diadakan ialah gerai pameran dan jualan pelbagai produk kesihatan dan makanan kepada pengunjung yang datang.

"Sebanyak 11 gerai pameran dan jualan produk kesihatan dan makanan diadakan untuk memberi ruang dan peluang peniaga tempatan memasarkan produk masing-masing khususnya kepada warga UMS Labuan," katanya.

Dr Hanudin yakin menerusi karnival itu, mahasiswa akan mempelajari pelbagai ilmu keusahawanan dan mampu berkomunikasi dengan pihak luar.

Beliau berharap mahasiswa akan merebut ruang dan peluang menerusi penganjuran karnival itu untuk menyerlahkan bakat kepimpinan mereka menjayakan karnival tersebut. - OLEH: JAINUDIN DJIMIN